

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATUK LINDA TSEN THAU LIN**  
**KAWASAN : BATU SAPI**  
**TARIKH : 17 OKTOBER 2016, ISNIN**

**SOALAN:**

**YB. DATUK LINDA TSEN THAU LIN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bila jalan raya yang baru dibina di Sibuga melalui Kompleks Sukan Sandakan di kawasan Batu Sapi akan dilengkapi dengan lampu jalan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Projek menaik taraf Jalan Sibuga, Sandakan telah siap dibina dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sabah pada bulan Disember 2014. Skop projek ini melibatkan naik taraf jalan 4 lorong 2 hala sepanjang 2.75km dari Bandar Utama IJM ke Kompleks Sukan Sandakan dengan kos projek sebanyak RM22 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemasangan lampu jalan tidak termasuk dalam skop kontrak pembinaan jalan yang telah disiapkan itu. Sehubungan itu cadangan pemasangan lampu jalan tersebut telah dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri melalui JKR Sabah untuk pertimbangan pihak berkuasa tempatan (Majlis Perbandaran Sandakan).

Sekian. Terima kasih.